



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-24 KHAS (2/2022) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 04 April 2022 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi
Platform : Secara dalam talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting*
Kehadiran : Seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
24.1	Aluan Pengerusi Pengerusi: (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan mengalu-alukan kehadiran ahli dan wakil yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Kali ke-24 (Khas) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Zoom Meeting</i> . (b) memaklumkan agenda mesyuarat pada kali ini adalah untuk meneliti dan mengesahkan Laporan Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2022 sebagai persediaan menghadapi Audit Dalaman ISMS yang akan bermula pada April hingga Jun 2022 di semua pasukan/entiti yang terlibat dengan skop pensijilan ISMS di UPM. (c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Encik Rosmi Othman di atas jasa dan sumbangan yang diberikan sepanjang menyandang jawatan sebagai Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS bermula 1 Februari 2016. Mesyuarat turut mengambil maklum bermula April 2022 beliau telah bercuti sebelum berpencen wajib pada Jun 2022.	Makluman Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
24.2	<p data-bbox="316 282 1141 353">Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Semakan Mac 2022</p> <p data-bbox="316 405 461 434">Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="363 483 1141 678">(a) mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko setiap pasukan ISMS hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko ISMS pada 10 Mac 2022 adalah seperti Laporan Agenda 2 yang dibentangkan semasa mesyuarat. <li data-bbox="363 728 1141 965">(b) mengambil maklum secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 882 risiko dengan tahap rendah (L), 73 risiko dengan tahap sederhana (M) dan satu (1) risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 556 aset yang terlibat bagi semua pasukan. <li data-bbox="363 1014 1141 1207">(c) secara perbandingan Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 220 aset yang dinilai yang turut membawa kepada penurunan jumlah ancaman sebanyak 229 berbanding penilaian semakan Mac 2021. <li data-bbox="363 1256 1141 1608">(d) mengambil maklum Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti mencatatkan penurunan jumlah aset yang ketara iaitu masing-masing penurunan sebanyak 152 dan 70 aset ICT. Antara faktor yang membawa kepada penurunan jumlah aset ini adalah peralihan proses kerja daripada secara manual kepada secara dalam talian. <li data-bbox="363 1657 1141 1850">(e) turut mengambil maklum Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) dan Pasukan Pusat Data mencatatkan pertambahan jumlah aset ICT masing-masing sebanyak satu (1) aset berbanding semakan terdahulu. <li data-bbox="363 1899 1141 2056">(f) mengambil perhatian terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan 	<p data-bbox="1169 483 1323 517">Makluman</p> <p data-bbox="1169 728 1323 761">Makluman</p> <p data-bbox="1169 1014 1323 1048">Makluman</p> <p data-bbox="1169 1256 1323 1290">Makluman</p> <p data-bbox="1169 1657 1323 1691">Makluman</p> <p data-bbox="1169 1921 1323 1955">Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>Maklumat di UPM sebagaimana laporan yang dibentangkan.</p> <p>(g) mengambil maklum satu (1) risiko dengan tahap tinggi (H) yang dikenalpasti bagi Pasukan Pusat Data adalah berkaitan masalah banjir kilat di kawasan berhampiran Pusat Data Utama (Bangunan iDEC Beta). Perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Pengurusan iDEC dan pelan pemulihan risiko yang dikenalpasti sedang dalam proses tindakan iaitu membuat permohonan semula pusat data baharu melalui RMK12 <i>Rolling Plan</i> ke 4 Tahun 2022 melalui Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), UPM. Mesyuarat turut dimaklumkan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti UPM ada menyarankan supaya pihak iDEC memohon ruang Pusat Data dengan pihak MAMPU sebagai salah satu inisiatif pelan pemulihan bagi risiko tinggi di Pusat Data. Bagaimanapun cadangan ini akan dikaji semula mengambilkira pelbagai aspek berkaitan <i>accessibility</i> dan keselamatan maklumat yang harus dipelihara.</p> <p>(h) bersetuju meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Mac 2022) dan pemakaiannya perlu dihebahkan kepada semua pasukan/entiti ISMS sebagai rujukan terkini semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2022.</p> <p>(i) meminta setiap pasukan mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua pasukan diminta mengemukakan satu (1) salinan lembut (softcopy) Laporan Terperinci Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2022 (Detail Risk Assessment Report) yang dicetak melalui Sistem MyRAM dan lengkap ditandatangani kepada pihak Urusetia CQA sebelum/pada 13 April 2022. Salinan asal perlu disimpan untuk rekod pasukan mengikut tatacara perekodan yang bersesuaian memandangkan rekod tersebut dikategorikan sebagai 'SULIT'; dan • Pasukan ISMS yang terlibat diminta bersedia 	<p>Makluman</p> <p>Penyelaras Penilaian Risiko ISMS & Penyelaras ISMS</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>dengan justifikasi penurunan bilangan aset yang dinilai dalam MyRAM untuk tujuan pelaksanaan Audit Dalam Tahun 2022 memandangkan penilaian risiko ISMS semakan Mac 2022 telah merekodkan penurunan bilangan aset yang ketara berbanding penilaian tahun sebelumnya (penurunan sebanyak 220 aset).</p> <p>(j) mengambil maklum berdasarkan perancangan, semakan penilaian risiko ISMS akan dilaksanakan sekali setiap tahun. Bagaimanapun semakan tambahan akan dilaksana sekiranya terdapat keperluan bagi penilaian semula risiko ISMS setiap pasukan.</p>	<p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</p> <p>Makluman</p>
<p>24.3</p>	<p>Hal-hal Lain</p> <p>24.3.1 Had Akses Terhadap Data/Maklumat Pelajar dalam Sistem e-Daftar/e-SMP</p> <p>Mesyuarat mengambil perhatian bahawa data/maklumat pelajar dalam Sistem e-Daftar/e-SMP perlu dikawal sewajarnya dan ditentukan had akses entiti yang terlibat terhadap data/maklumat pendaftaran pelajar baharu prasiswazah berdasarkan keperluan entiti/PTJ terlibat antaranya melalui modul 'papar' dan 'cetak' dalam Sistem e-Daftar/e-SMP. Mesyuarat meminta maklumat lanjut berhubung had akses berdasarkan modul dalam Sistem e-Daftar/e-SMP dirujuk dengan Bahagian Kemasukan UPM.</p> <p>24.3.2 Kawalan Terhadap Perkongsian Maklumat Vaksinasi/Data Pelajar Pulang ke Kampus</p> <p>Mesyuarat mengambil perhatian sebarang perkongsian maklumat/data peribadi pelajar seperti maklumat vaksinasi/data pelajar pulang ke kampus hendaklah dikawal dan dikendalikan berdasarkan konsep CIA (Kerahsiaan, Integriti dan Ketersediaan) dan dihadkan perkongsiannya dengan pihak yang</p>	<p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) &</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
<p data-bbox="188 1144 261 1178">24.4</p>	<p data-bbox="443 277 708 311">bekeperluan sahaja.</p> <p data-bbox="316 577 932 611">24.3.3 Cadangan Pendigitalan Dokumen</p> <p data-bbox="443 663 1142 1099">Mesyuarat mengambil maklum berhubung keperluan untuk mengenalpasti kaedah pengendalian rekod dengan lebih tersusun dan selamat secara digital mengambilkira norma baharu pelaksanaan tugas di pejabat. Berikutan itu, mesyuarat mencadangkan supaya satu sesi perbincangan dengan pihak Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) di Pejabat Pendaftar diadakan bagi membincangkan mengenai pelaksanaan DDMS (Digital Document Management System) untuk diperluaskan pelaksanaannya ke semua PTJ di UPM.</p> <p data-bbox="316 1144 687 1178">Penangguhan Mesyuarat</p> <p data-bbox="316 1229 1142 1301">Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	<p data-bbox="1166 277 1394 517">Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)</p> <p data-bbox="1166 663 1353 853">TWP ISMS, Penasihat ISMS CQA & Penyelaras ISMS</p>

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-24 KHAS (2/2022) SECARA DALAM TALIAN**

HADIR

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) - **Pengerusi**
2. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
7. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
8. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
9. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
10. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
11. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) - **Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
2. Puan Kasmaria Zawawi (Pusat Jaminan Kualiti)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
3. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
4. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)